

Dr. M dedah rancangan komunis hendak bunuh pemimpin

20.12.25.00.1970

ALOR SETAR 25 Julai
— Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan rancangan komunis untuk membunuh pemimpin-pemimpin kebangsaan bagi menimbulkan huru-hara di negara ini.

Karanya, kerajaan telah menjumpai satu senarai mengandungi nama para pemimpin termasuk menteri-menteri yang dirancang akan dibunuh.

Senarai itu telah dijumpai oleh pasukan keselamatan dalam satu serbuan anti komunis yang dilakukan enam tujuh bulan lalu, katanya di majlis dialog dengan penduduk-penduduk Tunjang di Sekolah Rendah Kebangsaan Tunjang, 17 baru dari sini.



DR. MAHATHIR

Bagaimanapun, Dr. Mahathir, yang juga ahli Parlimen Kawasan Kubang Pasu, tidak pula memberi

butir-butir lanjut.

Beliau berkata, ini jelas menunjukkan berapa kuatnya azam komunis untuk merebut kuasa di negara ini hingga mereka sanggup membunuh pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat sendiri.

Dr. Mahathir menegaskan sekiranya rancangan komunis itu berjaya rakyat akan hilang kepimpinan dan dengan itu akan timbul keadaan huru-hara.

Beliau mengingatkan apabila wujud keadaan seperti itu mudahlah komunis merampas pentadbiran dan seterusnya menguasai negara.

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan rancangan jahat komunis itu tidak akan

berjaya dan usaha ini hendaklah dipikul bersama oleh seluruh rakyat.

Dr. Mahathir dukacita kerana adanya segolongan rakyat yang menganggap peperangan menghapuskan pengkhianatan dan keganasan komunis bukanlah menjadi tanggungjawab orangramai.

Malah ada serengah orang yang menganggap bahawa tidak menjadi kesalahan bagi rakyat tidak menjaui arahan-arahan pemimpin mereka atau pun membenarkan pemimpin-pemimpin dibunuh oleh komunis.

Orang-orang seperti itu juga mengatakan rakyat tidak perlu membawa senjata masuk ke dalam hutan untuk memerangi kontonis tetapi hendaklah menunggu sehingga pengganas-pengganas komunis datang kepada mereka di kampung-kampung atau pun di bandar-bandar.

Dr. Mahathir mengingatkan sikap seperti itu bukan sahaja salah malah itulah yang dikehendaki oleh komunis supaya mereka dengan mudah dapat meresap masuk untuk merampas pemerintahan negara.

Mengenai penyeludupan, Dr. Mahathir berkata kerajaan akan mengadakan peraturan menghendaki semua ikan yang dibawa masuk ke negara ini dari Negeri Thai di masa akan datang dibawa dalam kotak-kotak plastik.

Dengan menggunakan kotak-kotak plastik, katanya, mudahlah pihak berkuasa mengesan senjata-senjata api yang diseludup masuk bersama-sama ikan itu. — Bernama.